



UDA HOLDINGS BERHAD

SIARAN MEDIA

UDA SERAH KEDIAMAN SEMENTARA KEPADA PENDUDUK KG MUTIARA, BATU FERRINGHI, PULAU PINANG

Georgetown, 26 November 2019 – UDA Holdings Berhad (UDA) menerusi anak syarikat UDA Land North Sdn Bhd (ULNSB) menyerahkan kunci unit kediaman sementara di Selasih Court kepada 75 penduduk Kampung Mutiara yang layak. Majlis penyerahan itu diadakan dalam satu majlis yang dijalankan di perkarangan Selasih Court, Tanjung Tokong, Pulau Pinang pada pagi hari ini, di sini.

Majlis berkenaan telah disempurnakan oleh YB Dato' Ir Hj Ahmad Zakiyuddin Abdul Rahman, Timbalan Ketua Menteri 1, Pulau Pinang dan diiringi YBrs Dr Aizi Razman Ismail, Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan Strategik), Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri dan YBrs Sr Mohd. Salem Kailany, Ketua Pegawai Eksekutif UDA serta tetamu kehormat yang lain.

YBrs Sr Mohd. Salem berkata, Bahagian Penyelarasan Penyertaan Bumiputera, Jabatan Perdana Menteri telah mempelawa UDA bagi mengemukakan cadangan pembangunan Kampung Mutiara dan UDA telah mengambil langkah proaktif sebagai agensi pelaksana dalam usaha sama menyelesaikan isu penduduk Lot 39 & 40, Kampung Mutiara, Batu Ferringhi, Pulau Pinang.

"Penduduk-penduduk di atas lot tanah tersebut telah mendapat perintah mahkamah untuk keluar dari tanah yang diduduki. Selaku agensi pelaksana yang bakal membangunkan kediaman baru untuk mereka, UDA terpanggil untuk menyediakan unit kediaman sementara di Selasih Court milik UDA atas kos tanggungan UDA," kata beliau yang turut berucap pada majlis tersebut.

Tambah beliau lagi, "UDA bakal menyediakan 1,068 unit kediaman merangkumi 400 unit rumah pangsa kos rendah, 166 unit pangsapuri mampu milik dan 502 unit apartment/kondominium. 400 unit rumah pangsa tersebut adalah penempatan semula yang diberikan secara percuma kepada penduduk Kampung Mutiara, Kampung Che Ahmad, Kampung Din Bamboo dan Kampung Kubur yang telah dikenal pasti mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh kerajaan negeri Pulau Pinang.

Bagi projek pembangunan ini, UDA berperanan menjadi salah satu penggerak dalam menyelesaikan isu penempatan semula penduduk Kampung Mutiara dan

sekitarnya. Dalam masa yang sama, UDA turut berpeluang membangunkan kediaman jenis pangsapuri mampu milik dan apartment/kondominium yang akan dibuka untuk jualan.

“Penduduk Kampung Mutiara dan sekitarnya bakal menerima kediaman kekal 800 kaki persegi (kp) seunit yang lebih teratur dan selesa. Oleh itu, UDA berharap usaha sama ini dapat memberi sinar baharu kepada penduduk-penduduk tersebut. Selain itu, UDA berharap langkah murni seperti ini mengukuhkan peranan UDA sebagai salah satu agensi Bumiputera yang meneraju pembangunan penempatan Bumiputera di Pulau Pinang,” katanya lagi.

Dana pembangunan adalah sebahagiannya dari Kerajaan Persekutuan menerusi kaedah ‘soft loan’ dan selebihnya atas pembiayaan UDA sendiri. Pembangunan Kampung Mutiara itu dijangka mengambil masa 4 tahun.

TAMAT

MENGENAI UDA HOLDINGS BERHAD

UDA Holdings Berhad (UDA), agensi di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan (MED), merupakan salah satu organisasi pemaju hartanah, pengurusan aset, fasiliti, dan hospitaliti yang mampan serta berdaya saing di negara ini. Aktiviti utama syarikat termasuk pembangunan tanah, pengurusan asset, fasiliti, kompleks beli-belah serta industri hospitaliti. UDA telah bertapak kukuh dalam membentuk dan memodenkan Kuala Lumpur, Selangor, Pulau Pinang dan Johor Bahru sejak tahun 1971.

Untuk maklumat lanjut mengenai UDA, sila layari laman sesawang kami di www.uda.com.my atau laman Facebook www.facebook.com/UDAHoldings. Sebarang pertanyaan media, sila hubungi:

- **Nor Hanisah Kamaruzaman** | n.hanisah@udanet.com | **+6013 597 4264**
- **Latifah Osman (Lat)** | lat@udanet.com | **+6012 291 5427**

Bahagian Komunikasi Korporat Kumpulan
UDA Holdings Berhad
Tingkat 6, Blok Menara, Kompleks Pertama,
Jalan Tuanku Abdul Rahman, 50100 Kuala Lumpur.
Tel : +603 2730 8500 | Fax : +603 2731 2855